

Pelajar UMS diingat tidak terpengaruh anasir negatif

OLEH MARRYAN RAZAN
(marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon (gambar), menasihatkan para pelajar supaya tidak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif atau perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan dikalangan pelajar.

Beliau berkata, sikap seumpama itu bukan sahaja memecahbelahkan perpaduan di kalangan pelajar berbilang kaum, bangsa dan agama tetapi juga akan memesongkan matlamat pengajian seorang pelajar.

"Para pelajar harus memiliki nilai-nilai murni, menghormati ibu bapa, pensyarah, kakitangan dan rakan-rakan, selain menerima pandangan dan kritikan membina bagi melengkapkan diri dalam mengharungi cabaran globalisasi.

"Selain itu, adalah menjadi kewajipan para pelajar untuk memiliki semangat jati diri, beretika dan berakhhlak mulia serta mematuhi segala peraturan dan akta universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/2010, anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), di Universiti itu, baru-baru ini.

Kamaruzaman berkata, UMS sentiasa menitik berat kebijakan pelajar semasa mereka menuntut di institusi itu dengan menyediakan segala kemudahan untuk pelajar.

"Ini adalah tanggungjawab universiti untuk melahirkan pelajar yang berwibawa, inovatif, mempunyai ilmu dan kemahiran yang khusus dan seimbang, selain menghasilkan pelajar berkualiti, proaktif dan progresif," katanya.

Katanya lagi, sebagai universiti awam ke-9 ditubuhkan di negara ini, UMS akan sentiasa membangunkan kampus dan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk kepentingan para pelajar.

"Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran, peralatan canggih dan moden terutama makmal sains, kejuruteraan, komunikasi dan multimedia, komputer dan makmal bahasa akan dipertingkatkan seiringan dengan keperluan masa kini," katanya.

Kamaruzaman turut mengucapkan tahniah kepada MPP kerana berani menerima cabaran untuk terus memimpin pelajar UMS yang kini mencecah 15,000 orang, sekaligus sebagai agen perantara pelajar dengan pengurusan universiti.

MPP merupakan medium interaksi dan menjadi landasan utama bagi menyalurkan suara mahasiswa/i kepada pihak universiti dan kerajaan demi memastikan hak pelajar terbela-



dan menyediakan aktiviti-aktiviti kemahasiswaan untuk melahirkan mahasiswa cemerlang, gemilang dan terbilang.

Antara lain objektif MPP ialah, mendengar dan mengenal pasti permasalahan mahasiswa dan mengutarakan segala isu-isu kepada pihak berwajib selain mengkaji keberkesanan perlaksanaan dasar-dasar yang membabitkan kepentingan pelajar.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Prof Madya Dr. Kasim Hj. Mansur berkata, peranan pelajar adalah untuk membangunkan diri yang berketerampilan, di samping berdaya saing, membina keperibadian dan mempunyai akhlak mulia.

"Sebarang permasalahan yang timbul di kalangan pelajar seharusnya dimaklumkan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Ini selaras dengan objektif jabatan itu untuk mengurus dan mengawal selia semua kegiatan berkaitan dengan pembangunan sahsiah serta kebijakan pelajar.

"Ia juga bertujuan memastikan kegiatan pelajar dapat dilaksanakan ke arah melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan bersahsiah tinggi selaras dengan visi dan misi universiti," katanya.

Pada majlis itu, lebih 30 pemimpin pelajar hadir yang diketuai oleh Pemangku Presiden MPP Mohammad Syafiq Ridzwan Jamaluddin. Turut hadir, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Darwis Awang selaku pengurus penganjur dan pegawai-pegawai HEPA dan para pengetua kolej kediaman.